

Info PINTAR

HARI MESRA PTAR



HARI MESRA PTAR BERSAMA FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN 2009

Hari Mesra PTAR Bersama Fakulti Pengurusan Perniagaan telah diadakan pada 26 dan 27 Mac 2009 di Ruang Legar PTAR 2. Objektif Hari Mesra PTAR ini diadakan adalah untuk mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh PTAR di samping membuka peluang merapatkan lagi hubungan dan kerjasama di antara PTAR dan Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memeriahkan program seperti:

- Pemilihan buku bersama pembekal
- Klinik Kemahiran Maklumat bersama Pustakawan PTAR
- Kelas Kemahiran Maklumat
- Khidmat nasihat dan rujukan
- Demo Pangkalan Data Bersama Vendor
- Khidmat nasihat sokongan penyelidikan
- Pemeriksaan kesihatan secara percuma

Program ini telah mendapat sambutan yang baik oleh pihak Fakulti Pengurusan Perniagaan. Pengunjung-pengunjung program ini telah berpeluang memenangi 'hadiah pengunjung bertuah' di mana hadiah-hadiah ini telah disampaikan oleh Ketua Pustakawan iaitu Tuan Hj. Haron Wee Ah Boo semasa Majlis Perasmian Pameran Fotografi.

